

- 1 Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka memperoleh wilayah taklukan?
- A Pertuanan
 - B Peperangan
 - C Perkahwinan
 - D Persahabatan

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan Hukum Kanun Melaka.

Fasal 30
Peraturan urus niaga

Apakah kandungan fasal tersebut?

- A Pengharaman amalan riba
 - B Jenis-jenis cukai pelayaran
 - C Hukuman kesalahan mencuri
 - D Nakhoda tentukan jumlah cukai
- 3 Akhbar *al-Urwah al-Wuthqa* digunakan untuk menyebarkan idea Pan-Islamisme.
- Apakah seruan akhbar tersebut?
- A Penyatuan persaudaraan umat Islam
 - B Berpegang pada al-Quran dan hadis
 - C Mengemukakan Tiga Prinsip Rakyat
 - D Kembali kepada ajaran Islam sebenar

- 4 Berikut merupakan institusi pendidikan yang wujud pada awal abad ke-20.

- Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)
- Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC)

Bagaimanakah institusi ini menyemarakkan nasionalisme?

- A Melahirkan golongan pemimpin
 - B Menerima kunjungan ulama luar
 - C Melancarkan kempen propaganda
 - D Mengembangkan amalan demokrasi
- 5 Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson terbentuk hasil persidangan damai selepas berakhirnya Perang Dunia Pertama.

Apakah prinsip yang terkandung di dalam deklarasi tersebut?

- A Berpegang teguh kepada kebenaran
 - B Sempadan negara berasaskan bangsa
 - C Persaudaraan sejagat demi keamanan
 - D Kepentingan negara melebihi individu
- 6 Force 136 dan pertubuhan gerila Melayu bekerjasama untuk menentang Jepun.
- Apakah kerjasama tersebut?

- | | |
|---------------------|------------------------|
| I Membiayai operasi | III Melakukan sabotaj |
| II Membina senjata | IV Menyebar propaganda |
| | |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

- 7 Berikut ialah petikan akhbar yang menunjukkan bantahan orang Melayu.

Hari lahirnya Malayan Union itu adalah hari-hari yang sehabis-habis sedih bagi orang Melayu. Oleh itu, orang-orang Melayu haruslah berkabung menandakan kesedihannya...

Sumber: Diubah suai daripada Warta Negara, 3 April 1946.

Mengapakah orang Melayu berpendapat sedemikian?

- A Kadar cukai tanah dinaikkan
- B Kekurangan peluang pekerjaan
- C Kewarganegaraan dilonggarkan
- D Kemunduran penduduk berterusan

- 8 Mengapakah Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British?

- | | |
|-----------------------------|-----------------------------|
| I Dasar hubungan luar | III Kekurangan kewangan |
| II Pelaksanaan dekolonisasi | IV Masalah pewarisan takhta |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

- 9 Mengapakah pentadbir British menyokong penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Mengawal kuasa orang dagang
- B Mewujudkan kestabilan politik
- C Menangani penentangan radikal
- D Mengurangkan tekanan komunis

- 10 Apakah bukti kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan melalui peruntukan perundangan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Memilih ahli Majlis Mesyuarat Negeri
 - B Memperkenankan rang undang-undang
 - C Menjadi anggota Lembaga Pengampunan
 - D Memberi kebenaran perubahan sempadan
- 11 Mengapakah Partai Komunis Indonesia berusaha menyebarkan pengaruh mereka di Tanah Melayu?
- A Kegagalan menguasai Pulau Jawa
 - B Kekalahan Jepun di Asia Tenggara
 - C Keinginan membentuk negara bangsa
 - D Keperluan memperoleh bahan mentah
- 12 Bagaimanakah Sir Gerald Templer berusaha memenangi hati dan fikiran penduduk Persekutuan Tanah Melayu supaya bersatu membanteras ancaman komunis?
- A Memperkenalkan kad pengenalan
 - B Menganjurkan rundingan damai
 - C Membuka petempatan baharu
 - D Melaksanakan perang saraf
- 13 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan di negara kita pada Januari 1949.
- Apakah objektif pembentukan jawatankuasa tersebut?
- | | |
|--------------------------------|---------------------------------------|
| I Mewujudkan keadaan muhibah | III Memperoleh kemerdekaan negara |
| II Membetulkan keadaan ekonomi | IV Melatih penduduk dalam pentadbiran |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

- 14 Bagaimanakah Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 dapat memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum?
- A Menyeragamkan kandungan kurikulum
 - B Memperkenalkan pendidikan sivik
 - C Menitikberatkan aktiviti persatuan
 - D Memperkasa sekolah vernakular
- 15 Dalam pilihan raya peringkat negeri yang diadakan pada tahun 1954, Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 daripada 268 kerusi yang dipertandingkan. Apakah faktor yang mempengaruhi kemenangan tersebut?
- A Manifesto dipercayai rakyat
 - B Penerimaan kerjasama politik
 - C Keberkesanan strategi kempen
 - D Calon berpendidikan diutamakan
- 16 Maklumat berikut berkaitan kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Kuasa pegawai British kini beransur-ansur dipindahkan kepada rakyat tempatan. Namun begitu, masih terdapat pegawai British yang dikekalkan.

Apakah peranan pegawai British yang dikekalkan tersebut? m/s 206

- A Menasihati sultan
- B Mengurus kewangan
- C Menyelia pendidikan
- D Menaik taraf kesihatan

- 17 Apakah perkara yang disepakati dalam rundingan kemerdekaan di London antara perwakilan Tanah Melayu dengan British?
- A Bayaran ganti rugi dikongsi bersama
 - B Penentuan sempadan berasaskan bangsa
 - C Bantuan pertahanan daripada Komanwel
 - D Pengekalan jawatan Setiausaha Kewangan
- 18 Manakah antara berikut merupakan terma rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dalam menjalankan tugasnya?
- | | |
|--|--|
| I Menentukan sempadan setiap negeri | III Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu |
| II Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat | IV Mengurangkan kuasa pemerintahan British |
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
- 19 Maklumat berikut berkaitan persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Seramai 300 orang pegawai kerajaan mengikuti kursus khas berkaitan protokol yang dianjurkan oleh kerajaan selama tiga hari.

Mengapakah kursus protokol tersebut penting kepada pegawai terbabit?

- A Menentukan identiti negara
- B Mengiringi tetamu jemputan
- C Menjaga kawalan keselamatan
- D Menyertai perbarisan kehormat

- 20 Bagaimanakah kerajaan memastikan projek berkaitan kemudahan asas dilaksanakan dengan baik selepas negara mencapai kemerdekaan?
- A Memperkasakan Jabatan Penerangan
 - B Melancarkan Rancangan Buku Merah
 - C Memperbanyakkan institusi kewangan
 - D Mengawal mutu perkhidmatan kerajaan
- 21 Apakah yang ditekankan dalam konsep kedaulatan tradisional?
- A Hak penduduk
 - B Kekuasaan raja
 - C Rumpun bangsa
 - D Sistem demokrasi
- 22 Bagaimanakah kerajaan mengukuhkan pertahanan dalam mengekalkan kedaulatan negara?
- A Memodenkan aset ketenteraan
 - B Menyertai pakatan ketenteraan
 - C Mengamalkan dasar berkecuali
 - D Memupuk kerjasama semua kaum
- 23 Apakah tujuan British memperkenalkan undang-undang Charter of Justice?
- A Mengurangkan kuasa raja
 - B Mengeksploitasi ekonomi
 - C Mengukuhkan penguasaan
 - D Melindungi penduduk asal



- 24 Mengapakah pindaan Perlembagaan 1965 dilaksanakan?
- A Penentangan Filipina
 - B Pemisahan Singapura
 - C Pemberontakan Brunei
 - D Pembentukan Malaysia
- 25 Undang-undang berikut digubal dalam Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB).

- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1985
- Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911

Apakah persamaan undang-undang tersebut?

- A Pengasingan kuasa diperkenalkan
 - B Pengenalan Demokrasi Berparlimen
 - C Pemerintahan Raja Berperlembagaan
 - D Pentadbiran dikuasai pembesar negeri
- 26 Apakah fungsi Majlis Raja-raja berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan?
- I Menentukan sistem kewangan
 - II Membubarkan Dewan Rakyat
 - III Menganggotai Lembaga Pengampunan
 - IV Memperkenankan perubahan sempadan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 27 Apakah kesan pembentukan Konfederasi Negeri Sembilan 1895?
- A Pelantikan Residen British
 - B Pemerintahan beraja terhapus
 - C Pengenalan jawatan Yamtuan Besar
 - D Pengasingan kuasa pembesar negeri
- 28 Pemuliharaan khazanah negara merupakan tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
Bagaimanakah kerjasama ini dilaksanakan?
- I Menubuhkan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
 - II Mempergiatkan pelibatan agensi swasta
 - III Menyelaraskan pentadbiran taman laut
 - IV Memperkenalkan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
- 29 Mengapakah Sir Geofroy Tory mencadangkan agar Persekutuan Tanah Melayu digabungkan dengan Singapura?
- A Mengimbangi komposisi penduduk
 - B Menghalang pencerobohan imigran
 - C Melemahkan parti berhaluan kiri
 - D Membentuk kerjasama ekonomi

- 30 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)

- X
- Menyebarkan maklumat berkaitan Malaysia
- Menyediakan ruang perbincangan bagi mencapai kata sepakat

Apakah X?

- A Mengukuhkan perpaduan pelbagai kaum
 - B Mengumpul pandangan penduduk setempat
 - C Mewujudkan kerjasama dengan negara jiran
 - D Mengemukakan cadangan kepada kerajaan
- 31 Apakah punca tercetusnya peristiwa rusuhan kaum di Singapura pada 21 Julai 1964?
- A Menuntut hak sama rata
 - B Menggesa kuasa lebih besar
 - C Pemberontakan parti radikal
 - D Perebutan kuasa pemerintahan
- 32 Mengapakah pemimpin komunis Bong Kee Chok menulis surat kepada Ketua Menteri Sarawak pada 13 Oktober 1973?
- A Menyerah diri beramai-ramai
 - B Meminta perjuangan parti diiktiraf
 - C Menyatakan hasrat untuk berunding
 - D Memohon jawatan dalam pentadbiran

- 33 Bagaimanakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan dijemakan dalam kalangan masyarakat Malaysia?

- | | | | |
|----|----------------------------|-----|-----------------------------------|
| I | Program Citrawarna | III | Penubuhan Majlis Sukan Universiti |
| II | Pengiktirafan kepada tokoh | IV | Penguatkuasaan undang-undang |
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

- 34 Maklumat berikut menunjukkan prinsip kelima Rukun Negara?

Kesopanan dan Kesusilaan

Bagaimanakah prinsip tersebut dapat disemai dalam kalangan rakyat Malaysia?

- | | |
|---|-----------------------------|
| A | Menghayati nilai murni |
| B | Mematuhi undang-undang |
| C | Menghormati lambang negara |
| D | Mempertahankan perlembagaan |
- 35 Mengapakah penyusunan semula modal saham dalam sektor korporat di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilaksanakan?
- | | |
|---|--------------------------------------|
| A | Memudahkan rakyat membuat simpanan |
| B | Menyelaras integrasi ekonomi negeri |
| C | Menambah kemudahan infrastruktur |
| D | Meningkatkan pengurusan sektor moden |

36 Apakah fungsi Taman Teknologi Perindustrian di Malaysia?

- A Menjadi pusat perniagaan
- B Menjalankan penyelidikan
- C Melahirkan usahawan muda
- D Memajukan sektor pembuatan

37 Berikut berkaitan dengan dasar luar Malaysia.



Mengapakah berlaku perubahan dasar tersebut?

- A Kejatuhan komunis
 - B Kemelesetan ekonomi
 - C Kepentingan nasional
 - D Kehendak rakyat
- 38 Mengapakah Malaysia menandatangani Perisytiharan Lusaka pada tahun 1970?
- A Menghalang campur tangan kuasa asing
 - B Mendesak pengharaman senjata nuklear
 - C Menggalakkan kemajuan negara serantau
 - D Menghapuskan semua sekatan perdagangan

- 39 Kemelesetan ekonomi yang berlaku di Malaysia pada tahun 1997 hingga 1998

Apakah punca perkara itu berlaku?

- A Spekulasi mata wang
- B Penurunan harga komoditi
- C Sekatan perdagangan
- D Peningkatan tarif cukai

- 40 Maklumat berikut berkaitan dengan isu kelestarian global

Agenda 21

Apakah perkara yang menjadi fokus utama agenda tersebut?

- | | |
|---------------------------------|-------------------------------------|
| I Mengatasi isu pelarian perang | III Menyelesaikan masalah kebuluran |
| II Mengelak perlumbaan senjata | IV Memulihkan kemerosotan ekosistem |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT